

25 MAR 1997

PAS-Israel

PAS BUAT DEMONSTRASI BANTAH ISRAEL SERTA KRIKET

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Kira-kira 1,000 anggota PAS hari ini mengadakan demonstrasi membantah penyertaan pasukan kriket Israel pada kejohanan Trofi Majlis Kriket Antarabangsa (ICC) di sini bermula semalam.

Sehubungan itu PAS mendesak kerajaan supaya membatalkan visa dan mengusir pasukan itu dari sini serta merta kerana kehadiran mereka seolah-olah mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara.

Demonstrasi itu diketuai Timbalan Presiden PAS Haji Abdul Hadi Awang. Ia bermula dari Dataran Merdeka pada pukul 9 pagi dan mereka kemudian berarak ke Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Semasa di JPM, tujuh pemimpin PAS termasuk Abdul Hadi menyerahkan memorandum bantahan kehadiran pasukan itu kepada Setiausaha Politik (I) Perdana Menteri, Datuk Haji Aziz Shamsuddin di pejabatnya.

Pemimpin PAS lain yang hadir semasa penyerahan memorandum itu ialah Ketua Pemuda Abu Bakar Chik, naib ketua Mohamad Sabu dan exco Pergerakan Pemuda Dr Mohd Hatta Ramli, Sallehuddin Ayob, Mahfuz Omar dan Abdul Latif Ibrahim.

Mereka membawa sepanduk mengutuk kerajaan Tel Aviv dan turut membakar bendera Israel semasa di Dataran Merdeka dan di luar pintu masuk JPM.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kembalinya dari Arab Saudi Ahad lepas berkata keputusan kerajaan membenarkan pasukan kriket Israel menyertai kejohanan antarabangsa di sini ialah untuk menyedarkan mereka bahawa masyarakat berbilang kaum dan agama dapat hidup bersama-sama dengan aman dalam sebuah negara seperti Malaysia.

Katanya Malaysia berharap melalui cara itu pemain-pemain kriket muda Israel itu akan dapat menjelaskan kepada rakyat Israel lain mengenai situasi di sini apabila mereka balik ke negara mereka bahawa agama Islam tidak menindas atau menekan agama lain.

Aziz yang dihubungi berkata pemimpin PAS itu mahu kerajaan mengeluarkan pasukan kriket Israel daripada kejohanan berkenaan. Perjumpaan dengannya mengambil masa 20 minit di antara pukul 11.20 pagi dan 11.40 pagi.

Semasa keluar dari JPM, pemimpin-pemimpin PAS berkenaan diiringi beberapa pegawai Kementerian Dalam negeri.

Pasukan polis dari Ibu pejabat Daerah Polis Dang Wangi yang diketuai Ketua Daerah Polis ACP Zainal Abidin Ali serta satu pasukan Polis Simpanan Persekutuan berada di kawasan itu untuk mengawal keadaan sehingga mereka bersurai pada tengah hari.

Abdul Hadi dalam satu kenyataan berkata PAS kesal kerana ketika rejim Zionis bertindak mendirikan kawasan penempatan haram di Palestin, Malaysia tanpa segan silu memberi laluan kepada rakyat Israel menjejak kaki ke negara ini.

Katanya PAS rasa terkilan dengan kerajaan kerana mengeluarkan visa kepada rakyat Israel sedangkan Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan rejim itu.

PAS turut terkilan kerana menurutnya dalam masa kerajaan sensitif terhadap Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew mengeluarkan kata-kata yang menyinggung perasaan rakyat negara ini, kerajaan tidak begitu sensitif terhadap isu berkaitan Israel. -- BERNAMA

ARA SN RON